

19/02/1998

Mata wang tunggal tangani kegawatan

Kadir Dikoh

KEGAWATAN ekonomi serantau yang merudumkan mata wang terutama Baht Thailand, Rupiah Indonesia, Peso Filipina dan Ringgit Malaysia, menjelmakan semula idea supaya Asean mempunyai mata wang tunggal, cadangan yang pernah dikemukakan empat tahun lalu.

Ini kerana, selagi dolar Amerika ditambat untuk jual/beli dagangan antara Asean, keadaan ekonomi sesebuah negara anggota akan terus dihantui kegawatan berikutan turun/naik nilai mata wangnya yang terpaksa mengikut arus dolar.

Jika itu terlaksana dan diguna secara meluas, sudah pasti dolar Amerika tidak lagi aktif bagi rantau ini. Ia serupa dengan langkah menjadikan mata wang Euro (ERM) di Eropah, yang dijadual diperkenalkan penggunaannya di kalangan bank di Eropah tahun ini dan mula digunakan oleh orang awam pada tahun 2000.

Pastinya kedudukan mata wang negara Asean yang purata nilainya menjunam lebih 50 peratus sejak Julai tahun lalu, akan menjadi lebih kukuh dan menguntungkan negara pemakainya.

Langkah Malaysia, Thailand dan Indonesia bersetuju menubuhkan sebuah rumah penjelasan pusat bagi mengendalikan perdagangan di antara negara Asean dengan menggunakan mata wang masing-masing, seperti yang diumumkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, adalah satu usaha yang diharap menjadi kenyataan.

Ia adalah kesinambungan kepada ikrar kerjasama pemimpin Asean yang selama ini sudah membuahkan beberapa hasil positif sama ada dari aspek ekonomi, politik mahupun sosial.

Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dalam usaha meliberalisasikan perdagangan di rantau ini dan Skim Tarif Keutamaan Berkesan Sama Rata (CEPT) adalah contoh terbaik.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, perdagangan menggunakan urus niaga mata wang mewakili setiap negara berdagang adalah cadangan Asean bagi mengelak kejatuhan nilai mata wang negara anggota.

Pastinya langkah itu mengurangkan kos urus niaga memandangkan nilai dolar Amerika meningkat. Perkembangan terbaru ini jelas membawa mesej usaha bersama anggota Asean ke arah memperbaiki keadaan ekonomi di rantau ini semakin mantap. Rumah penjelasan ini apabila beroperasi, dijangka menjadi pusat pengantaraan kepada setiap perdagangan yang diuruskan dengan nilai mata wang negara terbabit.

Misalnya, jika Indonesia mengurus niaga dengan Thailand, ia menggunakan rupiah Indonesia atau bath Thailand. Walaupun mekanismenya belum diputuskan, bagi setiap barangan yang hendak dijual, harganya perlulah ditetapkan dengan harga berpandukan nilai mata wang negara pengeluar.

Jika ia membabitkan keluaran Malaysia, harganya ditetapkan dalam ringgit (RM) dan pembeli dari Indonesia perlu membayarnya dalam RM. Begitu juga jika membeli barangan Indonesia yang harganya perlulah ditetapkan dalam rupiah dan pembeli dari negara ini membayarnya dengan rupiah.

Dengan menggunakan kaedah ini, semua perdagangan membabitkan negara Asean ini tidak lagi akan menggunakan dolar Amerika. Jika urus niaga ini dilaksanakan secara intensif, bayangkanlah betapa dolar Amerika tidak lagi aktif di pasaran negara Asean.

Pastinya kedudukan mata wang negara Asean akan lebih kukuh. Kita percaya apabila kaedah ini diterima baik oleh semua negara anggota, usaha Asean mewujudkan mata wang tunggal seperti Euro, khususnya untuk tujuan

perdagangan semakin mudah menjadi kenyataan.

Di Bangkok baru-baru ini, Dr Mahathir berkata beliau berharap Asean akan mempunyai mata wang tunggal seperti mata wang Euro (ERM) di Eropah, khususnya untuk tujuan perdagangan di antara negara pertubuhan itu.

Menurut Perdana Menteri, penggunaan mata wang tunggal itu mungkin jalan penyelesaian jangka panjang bagi mengurangkan tekanan terhadap keupayaan kerajaan negara anggota untuk mengumpul mata wang asing, selain mengelakkan pergantungan kepada mata wang negara ketiga.

"Ketidakupayaan kita mengumpul mata wang asing menyebabkan pada masa ini kita terlalu terdedah kepada ketidakstabilan mata wang berkenaan, sekali gus memberi kesan buruk kepada ekonomi kita seperti yang dialami sekarang."

"Tidak ada sebab bagi kita (Asean) menggunakan mata wang negara ketiga, khususnya untuk perdagangan di antara kita."

"Bagaimanapun, pada masa ini Asean tidak boleh mempunyai satu mata wang tunggal kerana negara anggota tidak menandatangani perjanjian mengenainya," katanya.

Dr Mahathir berkata, buat masa ini, Malaysia akan meneruskan daya usaha untuk memujuk negara Asean supaya menggunakan mata wang masing-masing bagi tujuan perdagangan.

Mengenai sama ada penggunaan mata wang negara Asean dapat mengatasi masalah ekonomi sekarang, beliau berkata, Asean akan menggunakan sistem perdagangan kontra dan hanya perlu membayar perbezaan menggunakan mata wang negara terbabit.

"Langkah itu bukan saja dapat meningkatkan perdagangan antara negara Asean, malah membantu kita menyimpan mata wang asing seperti dolar Amerika dan paun sterling untuk perdagangan di luar Asean."

"Selain itu, kita juga dapat mengurangkan kos barangan kerana tidak perlu membayar perbezaan mata wang yang besar seperti membeli dengan dolar Amerika," katanya.

Menurutnya, beberapa syarikat Malaysia seperti Bernas sudah pun menggunakan mata wang baht untuk membeli beras dari Thailand, tetapi harga seperti di pasaran antarabangsa.

Pemimpin Asean pada dasarnya bersetuju dengan penggunaan mata wang negara masing-masing untuk tujuan perdagangan di kalangan negara Asean. Ia tertakluk kepada perbincangan peringkat gabenor bank pusat yang akan memikirkan cara pelaksanaannya.

Pelaksanaannya bergantung kepada penyelesaian masalah teknikal yang mungkin wujud dalam melaksanakan mekanisme itu.

Jika kita mengambil contoh di Eropah, penggunaan mata wang tunggal bagi benua juga menimbulkan perbincangan hangat. Ini kerana ada negara yang bimbang kukuh nilai mata wang mereka terjejas apabila menggunakan mata wang tunggal Eropah.

Namun apa yang berlaku di Eropah tidak sama prinsipnya. Asean tidak berhasrat menggunakan mata wang tunggal tetapi lebih tertumpu kepada penggunaan mata wang sendiri untuk urusan perdagangan.

Dengan kata lain, mata wang bagi negara Asean terus berfungsi seperti biasa. Malah, kita menjangkakan dengan menggunakan mata wang negara masing-masing, urusan perdagangan akan lebih aktif.

Kita mempunyai mata wang sendiri dan diterima sebagai alat pertukaran, mengapa perlu kita bergantung kepada mata wang negara asing. Tidak ada sebab kita mengambil kira pertukaran mata wang negara asing sebagai sebahagian daripada keuntungan, sedangkan di kalangan negara Asean sendiri kita mempunyai nilai pertukaran mata wang yang stabil.

Kita juga berharap penggunaan mata wang negara Asean dapat diperluaskan kepada semua sektor termasuk hotel. Rasanya tidak perlulah kita membeli cek perjalanan dalam nilai mata wang asing jika boleh menggunakan cek

perjalanan mata wang negara Asean yang dikeluarkan oleh bank dan institusi kewangan di negara Asean.

(END)